

Dr M dapat anugerah tertinggi WHO

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima Anugerah Tertinggi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atas pembabitannya meningkatkan tahap kemudahan kesihatan di negara ini.

Anugerah itu, yang akan disampaikan kepada Dr Mahathir pada September ini, dikenali sebagai Anugerah Emas - Kesihatan Untuk Se-

mua'.

Pengarah Rantau WHO bagi Pasifik Barat, Dr S T Han, berkata ia akan disampaikan kepada Perdana Menteri sempena perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Serantau WHO ke-45 di sini, pada 19 hingga 23 September.

"Kecemerlangan Dr Mahathir bukan saja terserlah di peringkat kebangsaan, malah kelantangan suaranya di pe-

ringkat antarabangsa juga adalah antara sebab utama beliau terpilih untuk menerima anugerah ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menandatangani perjanjian di antara WHO dan Kementerian Kesihatan, yang diwakili oleh Ketua Setiausaha, Datuk Mohd Ramli Mat Wajib.

Perjanjian itu bertujuan mengiktiraf Malaysia sebagai tuan rumah kepada mesyua-

rat berkenaan.

Dr Han berkata, dengan anugerah itu, Dr Mahathir bukan saja menjadi rakyat pertama negara ini menerimanya, malah, menjadi pemimpin kedua di rantau Asia Pasifik mendapat penghargaan itu.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan Tongga menerima anugerah itu kerana menjadi menteri bagi portfolio itu selama 20 tahun.